

**LAPORAN AKHIR KAJIAN TEROKAAN TENTANG
PENDEDAHAN KEPADA MAJALAH HIBURAN (*HAI* &
MANGGA): TAHAP PENERIMAAN PEMBACA**

DISEDIAKAN OLEH:

**PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD (KETUA PENYELIDIK)
PROF MADYA DR. MOKHTAR MUHAMMAD
HALIZA BINTI HASAN**

APRIL 2007

12 April 2007

No. Fail Projek:

Ketua
Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)
UiTM, Shah Alam

Tuan,

Laporan Akhir Kajian Terokaan Tentang Pendedahan Kepada Majalah Hiburan (Hai & Mangga): Tahap Penerimaan Pembaca

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk "Kajian Terokaan Tentang Pendedahan Kepada Majalah Hiburan (*HAI & Mangga*): Tahap Penerimaan Pembaca" untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD
Ketua
Projek Penyelidikan

**LAPORAN AKHIR KAJIAN TEROKAAN TENTANG PENDEDAHAN
KEPADA MAJALAH HIBURAN (*HAI & MANGGA*) : TAHAP
PENERIMAAN PEMBACA**

DISEDIAKAN OLEH:

**PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD (KETUA)
PROF MADYA DR. MOKHTAR MUHAMMAD
HALIZA BINTI HASAN**

APRIL 2007

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Prof Madya Ilias Md Salleh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

ABSTRAK

Kajian Terokaan Tentang Pendedahan Kepada Majalah Hiburan (Hai & Mangga): Tahap Penerimaan Pembaca

Kebanyakan majalah hiburan melampaui batas etika kewartawanan dengan memaparkan maklumat/berita dan gambar-gambar yang sensasi. Kebanyakan majalah hiburan mengeksploitasi artis agar pembaca tertarik membelinya. Maklumat yang terdapat dalam majalah hiburan banyak berkisar pada persoalan cinta, kekasih, gosip panas dan lain-lain lagi yang melalai dan mengkhayalkan para pembaca. Majalah hiburan juga kurang menekan kepada fungsi mendidik dan menyalurkan maklumat berguna kepada para pembaca. Kebanyakan majalah hiburan mempengaruhi remaja mencontohi cara hidup sosial yang negatif. Gambar-gambar sensasi yang dipaparkan boleh menjurus ke arah aktiviti kurang sihat. Hanya artis-artis sensasi dan 'muka-muka' sama sahaja yang sering diberikan liputan. Ini menutup peluang artis yang benar-benar memperjuangkan bakat mereka. Liputan berita seseorang artis lebih terarah kepada perkara-perkara peribadi yang bersifat negatif. Liputan tentang perkara-perkara positif amat kurang. Media massa dianggap sebagai sesuatu yang sangat-sangat berpengaruh dan berkesan. Mereka yang mengendalikan media massa itu dianggap mempunyai "kuasa" yang amat kuat dan luas dalam mempengaruhi masyarakat dalam melakukan ataupun tidak melakukan sesuatu. Media massa juga mempunyai tugas penting untuk membina generasi muda agar lebih bermoral dan beretika tinggi. Pada masa yang sama, media massa juga dapat meninggalkan kesan yang amat membimbangkan. Ia menjadi semakin kritikal kerana lebih digemari dan didampingi oleh remaja, iaitu satu kelompok yang sangat sensitif dan mudah dipengaruhi oleh anasir tertentu. Akhirnya berlakulah peningkatan dalam gejala sosial seperti kes penagihan dadah, pembuangan bayi, budaya melepak, bohsia, kumpulan samseng dan sebagainya yang membabitkan golongan remaja. Majalah, merupakan salah satu daripada media bercetak yang amat digemari oleh remaja sebagai bahan bacaan dan rujukan mereka. Kebanjiran majalah-majalah hiburan di pasaran sedikit sebanyak mencorak pemikiran remaja. Berita yang lebih menonjolkan gaya hidup ala '*rich and famous*' dengan memperbesarkan isu kemewahan hidup artis remaja sedikit sebanyak meninggalkan kesan. Kemunculan penyanyi dan pelakon remaja, dengan berita-berita sensasi mengenai kejayaan mereka, telah menarik minat remaja untuk mengikut cara hidup yang sama. Corak pakaian serta tingkah laku kebaratan turut menjadi ikutan mereka.